

## PERATURAN SKIM SANGKUT INDUSTRI / LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### 1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Program latihan industri dapat membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal dan perkongsian pintar di antara Universiti dan industri.
- 1.2 Justeru itu, kaedah pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan yang menepati kehendak pasaran dapat menambah nilai kepada staf yang berjaya menjalani latihan industri.

### 2.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 2.1 Staf yang ingin memohon untuk mengikuti program latihan ini hendaklah:
  - 2.1.1 mengisi Borang Permohonan Skim Sangkut Industri / Latihan Industri.
  - 2.1.2 menyertakan profil syarikat tempat staf akan menjalani Latihan Industri.
- 2.2 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Pengurusan Bakat**, melalui Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tarikh latihan.

### 3.0 SYARAT-SYARAT UMUM

- 3.1 Staf berwarganegara Malaysia.
- 3.2 Staf berjawatan tetap.
- 3.3 Staf akademik dan jurutera pengajar.

### 4.0 FAEDAH SKIM

- 4.1 Kenaikan pangkat

Dalam masa tempoh latihan, staf adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan asal mengikut sebagaimana yang ditetapkan.

## 4.2 Faedah Persaraan

- 4.2.1 Perkhidmatan staf dalam tempoh latihan adalah diambil kira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan.
- 4.2.2 Universiti adalah bertanggungjawab mengenai urusan pencen dan lain-lain kemudahan perkhidmatan.
- 4.2.3 Staf tidak dibenarkan memasuki skim faedah persaraan (KWSP/Anuiti) yang disediakan oleh pihak yang melatih.

## 4.3 Cuti

- 4.3.1 Jika gaji penuh adalah dibayar oleh Universiti, staf adalah layak menerima kemudahan cuti dalam masa tempoh latihan mengikut Pekeliling Perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; **atau**
- 4.3.2 Jika gaji penuh dibayar oleh pihak yang melatih, staf adalah tertakluk kepada peraturan dan kemudahan cuti yang ditentukan oleh pihak yang berkenaan.
- 4.3.3 Perkhidmatan staf semasa mengikuti latihan ini tidak akan diambil kira bagi tujuan kelayakan untuk dipertimbangkan cuti sabatikal.

## 5.0 GAJI DAN ELAUN

### 5.1 Gaji

Dalam masa tempoh latihan staf dibayar gaji penuh oleh Universiti serta elaun-elaun yang staf berkecualan.

### 5.2 Elaun Sara Hidup

- 5.2.1 Elaun sara hidup bagi Skim ini adalah mengguna pakai kadar elaun sara hidup cuti belajar pada peringkat Ijazah Lanjutan. Elaun ini dibayar secara bulanan dan merangkumi perbelanjaan saraan dan penginapan staf di tempat latihan mengikut negara masing-masing.
- 5.2.2 Dengan pemberian elaun ini, staf adalah tidak layak dipertimbangkan lain-lain bentuk elaun penginapan/hotel/lojing atau sewa rumah kerana ia telah mengambil kira semua di atas.
- 5.2.3 Walau bagaimanapun, sekiranya didapati firma yang berkaitan menyediakan tempat penginapan secara percuma, maka elaun penginapan akan ditolak dari Elaun Sara Hidup.
- 5.2.4 Walaupun begitu, bagi negara yang tidak membezakan elaun penginapan dari elaun saraan, maka staf adalah layak menerima Elaun Sara Hidup sepenuhnya.

### 5.3 Elaun Penempatan

Staf yang menghadiri Sangkut Industri dalam tempoh sembilan (9) bulan dan ke atas secara berturut-turut adalah layak menerima Elaun Penempatan. Syarat pembayaran elaun ini adalah seperti berikut :

#### 5.3.1 Sangkut Industri Dalam Negeri

- a. Bayaran elaun ini adalah untuk tujuan perbelanjaan penginapan, makan dan runcit semasa perjalanan dan setibanya di tempat latihan.
- b. Firma di mana latihan dijalankan adalah di luar 25 km dari kawasan ibu pejabat.
- c. Ketua Jabatan mengesahkan pegawai berpindah rumah.
- d. Di bayar sekali sahaja sebelum staf berpindah.

#### 5.3.2 Sangkut Industri Luar Negara

- a. Bayaran elaun ini adalah untuk tujuan bayaran tambang dari rumah ke KLIA, dari lapangan terbang negara berkenaan ke tempat tinggal sangkut industri, cukai lapangan terbang, upah mengangkut barang (portorage), perbelanjaan penginapan dan makan sebelum mendapat tempat tinggal tetap dan perbelanjaan membawa barang-barang lebihan.
- b. Dibayar sekali sebelum staf bertolak ke luar negara.

5.3.3 Staf tidak layak menuntut elaun perjalanan, perbatuan dan pembayaran yang berkaitan seperti yang telah dinyatakan di perenggan-perenggan di atas walaupun disertakan dengan resit.

### 5.4 Elaun Akhir Pengajian

Staf yang menghadiri Sangkut Industri dalam tempoh sembilan (9) bulan dan ke atas secara berturut-turut adalah layak menerima Elaun Akhir Pengajian. Syarat pembayaran elaun ini adalah seperti berikut :

#### 5.4.1 Sangkut Industri Dalam Negeri

- a. Bayaran elaun ini adalah untuk tujuan perbelanjaan penginapan, makan dan runcit semasa perjalanan dan setibanya di tempat latihan.
- b. Firma di mana latihan dijalankan adalah di luar 25 km dari kawasan ibu pejabat.
- c. Ketua Jabatan mengesahkan pegawai berpindah rumah.
- d. Di bayar sekali sahaja sebelum staf menamatkan Sangkut Industri.

#### 5.4.2 Sangkut Industri Luar Negara

- a. Bayaran elaun ini adalah untuk tujuan bayaran tambang dari tempat tinggal Sangkut Industri ke lapangan terbang negara berkenaan, dari KLIA ke tempat kediaman, cukai lapangan terbang, upah

mengangkut barang (portorage) dan perbelanjaan membawa barang-barang lebihan.

b. Dibayar sekali sebelum tamat Sangkut Industri.

5.4.3 Staf **tidak layak** menuntut elaun perjalanan, perbatuan dan pembayaran yang berkaitan seperti yang telah dinyatakan di perenggan-perenggan di atas walaupun disertakan dengan resit.

## 5.5 Elaun Pakaian Panas

Bagi staf yang diluluskan Sangkut Industri di negara yang melayakkannya menerima elaun pakaian panas, elaun ini hanya akan dibayar sekali dalam tiga (3) tahun.

## 5.6 Insurans Kesihatan (Luar Negara Sahaja)

Staf adalah diwajibkan untuk mendapatkan insurans kesihatan di negara di mana staf telah diluluskan Sangkut Industri.

## 5.7 Tuntutan-tuntutan lain

Tuntutan lain yang berkaitan dengan ini adalah seperti kos pembelian buku dan perkakas yang perlu digunakan bagi tujuan mengikuti latihan Sangkut Industri sahaja dan disokong dengan resit.

## 6.0 KEMUDAHAN PERUBATAN

Dalam tempoh latihan, staf adalah layak menerima faedah dan kemudahan perubatan mengikut kelayakan sebagaimana mengikut peraturan Universiti. Sekiranya pihak yang melatih membenarkan staf mendapatkan kemudahan-kemudahan perubatan bukan Kerajaan maka Universiti tidak akan menanggung perbelanjaan yang terlibat.

## 7.0 TEMPOH LATIHAN

### 7.1 Tempoh Asas Latihan

Tempoh minimum yang dibenarkan untuk mengikuti latihan ini dalam satu masa adalah tiga (3) bulan dan maksimum selama dua belas (12) bulan.

### 7.2 Lanjutan Latihan

Permohonan lanjutan latihan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus setia dua (2) bulan sebelum tamat latihan. Pemohon dikehendaki :

7.2.1 memberikan butir-butir tempoh lanjutan latihan yang diperlukan serta sebab-sebab ; dan

7.2.2 menyertakan surat sokongan penyelia atau pihak yang melatih.

7.2.3 Jumlah tempoh lanjutan tidak boleh melebihi enam (6) bulan dari kelulusan awal dan tidak melebihi had tempoh keseluruhan yang dibenarkan.

### **7.3 Tamat Latihan**

7.3.1 Staf adalah dikehendaki melapor diri bertugas di Universiti sehari selepas tamat tempoh latihan yang diluluskan.

7.3.2 Staf dikehendaki mengemukakan laporan keseluruhan latihan setelah tamat tempoh latihan. Kegagalan untuk menghantar laporan akhir akan menyebabkan staf tidak akan dipertimbangkan untuk menjalani apa-apa latihan seumpamanya di masa hadapan.

7.3.3 Apabila tamat latihan, staf akan dikekalkan di jawatan asal dan menerima gaji dan semua kemudahan yang staf berkelayakan.

## **8.0 TEMPAT LATIHAN**

8.1 Staf adalah digalakkan untuk menjalani latihan yang berkaitan dengan bidang tugas dan mengikut keperluan fakulti dan Universiti.

8.2 Staf adalah tidak dibenarkan menukar bidang atau tempat latihan tanpa kebenaran Universiti. Kelulusan latihan terbatal sekiranya tempat dan bidang latihan ditukar tanpa kebenaran Universiti.

## **9.0 LAPORAN LATIHAN**

9.1 Staf dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan latihan kepada Universiti tiga (3) bulan sekali dengan menggunakan borang laporan latihan (Borang Laporan Latihan Industri / Progress Report).

9.2 Sekiranya staf tidak mengemukakan laporan sebagaimana yang disyaratkan, kelulusan latihan akan ditarik balik serta-merta.

9.3 Staf perlu mempamerkan komitmen dan prestasi kerja yang baik sepanjang tempoh latihan industri.

## **10.0 PERJANJIAN DAN IKATAN**

10.1 Setelah tamat tempoh latihan, staf adalah terikat dengan Universiti mengikut tempoh latihan yang telah diluluskan. Sila rujuk Lampiran A berkaitan dengan tempoh ikatan perkhidmatan.

- 10.2 Jika staf masih terikat oleh sesuatu perjanjian yang terdahulu dengan Universiti, maka tempoh latihan akan diambil kira sebagai menyempurnakan syarat berkhidmat di bawah perjanjian itu.

## **11.0 AM**

- 11.1 Dalam tempoh latihan, staf adalah pada setiap masa tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan apa-apa pekeliling, peraturan atau kaedah yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Universiti dan pihak yang melatih.
- 11.2 Universiti berkuasa menamatkan latihan ini sekiranya didapati staf tidak mematuhi peraturan tatatertib yang ditetapkan.
- 11.3 Universiti berhak meminda syarat-syarat skim latihan ini dari semasa ke semasa, jika difikirkan perlu yang tidak bercanggah dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan apa-apa pekeliling, peraturan atau kaedah yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Universiti.
- 11.4 Universiti berhak menamatkan kelulusan dan tempoh latihan industri pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab dan pegawai tidak berhak menuntut ganti rugi berikutan dari penamatan tersebut.

LAMPIRAN A

JADUAL A : SANGKUT INDUSTRI – FIRMA MENGENAKAN YURAN LATIHAN

TEMPOH SANGKUT INDUSTRI	TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN		JUMLAH GANTI RUGI	
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1 – 6 BULAN	1	2	RM10,000 atau kos sebenar mana lebih tinggi	RM20,000 atau kos sebenar mana yang lebih tinggi
7 – 12 BULAN	2	4	RM20,000 atau kos sebenar mana lebih tinggi	RM40,000 atau kos sebenar mana lebih tinggi

JADUAL B : SANGKUT INDUSTRI – FIRMA TIDAK MENGENAKAN YURAN LATIHAN

TEMPOH SANGKUT INDUSTRI	TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN		JUMLAH GANTI RUGI	
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1 – 6 BULAN	1:2*		Kos Sebenar	
7 – 12 BULAN				

\*(1:2) merupakan tempoh yang digandakan (double period)